



## HOBI MENGUMPUL SETEM

Mahanim binti Omar

Suatu ketika dahulu, hobi mengumpul setem menjadi antara hobi yang popular di kalangan pelajar sekolah. Jika ternampak setem yang imejnya lain dari yang lain, pasti diasingkan dari sampul dan disimpan dalam buku setem. Buku setem akan dibawa ke sekolah dan berlaku sistem ‘Barter’ atau pertukaran setem secara suka sama suka antara rakan sekolah. Walau bagaimanapun, hobi tersebut semakin pudar dikalangan anak-anak zaman sekarang. Malah, mungkin ada yang sudah tidak tahu lagi apakah setem dan kegunaannya. Kini, hobi mengumpul setem hanya popular di kalangan orang dewasa, malah tidak ramai yang mempunyai hobi ini. Gerai atau kedai yang menjual setem juga agak sukar untuk ditemui. Jika di Pulau Pinang, gerai atau kedai yang menjual setem dapat dijumpai di sekitar Pasar Rope Walk, Pengkalan Weld dan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar). Walaupun begitu, peminat setem masih boleh melengkapkan koleksi setem mereka dengan pembelian atas talian.

Sebenarnya mengumpul setem adalah satu bentuk pelaburan jangka panjang seperti mengumpul lukisan pelukis terkenal seperti Vincent Van Gogh, Pablo Picasso serta Andy Warhol. Cuma, cara setem dinilai agak berbeza jika dibandingkan dengan lukisan. Tidak dinafikan kadar kecairan pelaburan dalam bentuk setem adalah agak lambat kerana tidak ramai yang mempunyai hobi mengumpul setem serta proses jual beli setem perlu dilakukan menggunakan platform yang betul. Jangan terkejut jika ada individu yang dilantik oleh peminat setem mengembara serata dunia untuk mencari setem yang diminati bagi melengkapkan koleksi mereka. Ya, setem juga mempunyai koleksi tersendiri. Jika muh menaikkan nilai sesuatu setem, setem tersebut mestilah sukar ditemui atau dalam erti kata lain, pada masa tersebut, tidak banyak setem yang dicetak atau terdapat kesilapan cetakan pada setem tersebut. Selain itu, setem yang dimiliki juga boleh mendapatkan pengesahan ketulenan atau BPA Certificate dari British Philatelic Association. Setem yang asalnya berharga RM866.19 mungkin boleh bernilai RM59,550.27 jika mendapat sijil pengesahan ketulenan BPA ini.

Seperti lukisan, tidak semua setem mempunyai nilai tinggi jika muh dijual semula. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan nilai setem tersebut ialah setem tersebut sukar ditemui. Selain faktor jarang ditemui, faktor kondisi setem, keseimbangan corak dan cetakan serta kondisi bahan perekat di belakang setem tersebut.

Antara setem negara yang menjadi buruan peminat setem ialah setem Negeri-negeri Bersekutu Malaya (Federated Malay States, FMS) dan setem Straits Settlement, 1880. Selain itu, kecacatan cetakan pada setem juga kadang kala boleh meningkatkan harga pasaran setem tersebut. Contohnya, setem Pahang (1965) yang dipunyai oleh Encik Mubarak Ali Rajak yang dicetak tanpa harga. Setem ini dianggarkan jika dijual boleh mencapai harga RM5 juta (Mohd. Wahyuddin, 2017).



Fed of Malay States

1922 \$250 Purple &

Ultramarine Revenue

BF #12 Fine Used

£175.00



Straits Settlements

1912 \$25 Purple & Blue-

Blue SG213 Ave MM

Regum Scarce CV £3250

£245.00



Fed Malay States 1900

\$1 Green & Pale Green

SG23 Wmk CC Fine

Mounted Mint

£90.00

Gambar 1: Contoh harga setem dari Empire Philatelist (<https://www.empirephilatelists.com/>)



Gambar 2: Setem Pahang (1965) tanpa tanda harga

Selain itu, setem British Guiana 1sen magenta (1856) telah dijual pada harga £6.2 juta pada satu jualan lelong (Shearing, 2021). Dikhabarkan bahawa setem ini menjadi terlalu bernilai kerana pada tahun 1956, berlaku kelewatan pada penghantaran setem dari Britain ke Guiana. Ketua pos pada ketika itu meminta pejabat pos tempatan mencetak setem sementara menunggu penghantaran tersebut. Setelah penghantaran tersebut tiba, ketua pos mengarahkan untuk mengambil semula setem sementara yang dicetak. Disebabkan pada ketika itu, setem 4 sen digunakan untuk surat-menyurat dan setem 1 sen digunakan untuk menghantar suratkhabar, maka, tidak banyak setem 1 sen yang disimpan. Setem tersebut akhirnya telah dijumpai pada tahun 1873 oleh seorang budak lelaki (Palmer, 2015).

Mungkin ada yang pernah mengumpul setem suatu ketika dahulu. Boleh lah dibuka semula buku setem tersebut. Mana tahu tuah anda memiliki setem yang sukar ditemui. Semoga Berjaya!



Gambar 3: Setem British Guiana 1sen magenta (1856)

## Rujukan

Mohd. Wahyuddin Jamil Khair (2017). "Setem dibeli 15 sen kini bernilai RM5 Juta." Berita Harian. Diakses pada 13 September 2022, dari <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20171116/281629600561303>

Shearing, Hazel. (2021). "Rare British Guiana 1c Magenta stamp to go on display." BBC News. Diakses pada 5 September 2022, dari <https://www.bbc.com/news/uk-57845086>

Palmer, Alex. (20115). "The Remarkable Story of the World's Rarest Stamp." A Smithsonian magazine special report. Diakses pada 19 September 2022, dari <https://www.smithsonianmag.com/smithsonian-institution/remarkable-story-worlds-rarest-stamp-180955412/>

